

## Renungkanlah Faedah Bersedekah Dalam Bulan Ramadān

Di dalam bulan Ramadān adalah sangat dianjurkan bagi tiap-tiap kaum muslimin yang mampu dan sanggup menafkahkan hartanya kepada jalan Allah sama ada untuk badan atau pun khas kepada *fugara'* dan *masākīn* yang berhajat kepada bantuan. Di dalam al-Qur'ān Allah *Subḥānahū wa Ta'ālā* berfirman: "dan nafkahkan olehmu kepada jalan Allah, janganlah kamu campakkan dengan tangan-tanganmu ke dalam kebinasaan dan berbuat ihsanlah kamu; bahawasanya Allah mengasihi orang-orang yang berbuat ihsan" – (al-Baqarah ayat 195).

Firman-Nya lagi: "Wahai sekalian orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian daripada yang kami rezekikan kamu; sebelum datang kepadamu hari yang tak ada penjualan padanya, tidak ada kawan dan tidak ada pertolongan. Sekalian orang yang mengingkari nikmat, itulah yang zalim." – (al-Baqarah ayat 254).

Ada beberapa banyak ayat dan ḥadīth-ḥadīth lagi yang menganjurkan supaya orang Islam menafkahkan hartanya (*infāq*) kepada jalan Allah.

### Pengertian *Infāq* pada jalan Allah

*Infāq* (mengeluar dan membelanjakan – menafkahkan)

harta pada jalan Allah ialah:

"Mengeluarkan sebahagian harta baik mengenai urusan keduniaan dan urusan akhirat."

Di dalam kitab *al-Māl al-Hukm fī al-Islām* pengertian *infāq* itu ialah membelanjakan harta pada tempat dan untuk orang yang ditentukan syarak dan syarak menyuruh membelanjakan harta kepada jalan Allah itu ialah tanda bagi *taqwa*. *Infāq* ini terbahagi atas dua bahagian: (1)

*Infāq fariḍah* iaitu yang wajib dinafkahkan dan diperintahkan untuk dibelanjakan baik yang disukai oleh yang berharta atau tidak. (2) *Infāq taṭawwu'* ialah yang diberikan menurut kesukaan yang membelanjakannya.

Mengeluarkan harta di jalan Allah untuk maslahat umum diperintahkan agama kerana ia adalah satu jalan memelihara diri, bangsa, tanah air dan agama daripada kebinasaan.

Perlu ditegaskan bahawa mengeluarkan harta di jalan Allah melengkapi "pengeluaran harta untuk menyiapkan alat senjata yang dengan kelengkapannya dapat dipelihara dan dijamin perdamaian, serangan-serangan musuh dapat ditangkis. Ia melengkapi pula yang lain daripada itu seperti menghalang permusuhan umum dan khusus; dan termasuk pula di dalamnya soal menegakkan kebahagiaan masyarakat.

Al-Qur'ān menegaskan benar bagi umat gemar membelanjakan hartanya di jalan Allah iaitu membelanjakan harta untuk kepentingan pergaulan dan menghasilkan manfaat umum.

Adapun membelanjakan harta untuk manfaat anak isteri, untuk tetamu yang bertamu, kita tidak dipandang *infāq* yang dimaksudkan di sini kerana ia dituntut dengan peraturan-peraturan yang tersendiri, dengan dalil yang lain.

### Menafkahkan harta di jalan Allah senyata-nyata iman.

Menafkahkan harta di jalan Allah itu daripada keterangan-keterangan Qur'ān dan ḥadīth adalah senyata-nyata tanda iman. Oleh yang demikian mengeluarkan harta di jalan Allah hendaklah

didorong oleh perasaan bahawa harta yang kita kumpulkan itu sebenarnya milik Allah, atau rezeki dan nikmat yang diberi Tuhan. Sebaliknya hendaklah kita berperasaan bahawa maslahat umat yang diwajibkan kita menegakkan hanya dapat wujud jika kita bersedia menafkahkan harta kita itu di jalan-jalan yang membawa kepada kejayaan bersama.

Tuhan menjadikan pengeluaran harta pada jalan Allah adalah sebagai tanda iman kerana mengeluarkan harta untuk kepentingan bersama adalah sukar dilakukan oleh hartawan-hartawan. Yang mudah dilakukan mereka hanyalah mengeluarkan harta untuk nafkah anak isterinya dan dirinya sendiri. Ini diakui mudah berkecuali oleh mereka yang jiwanya diperhamba oleh tabiat bakhil. Seterusnya mengeluarkan belanja yang cukup untuk kepentingan rumah tangganya tidak dihukumkan murah tangan.

Seseorang manusia mengeluarkan harta menurut kata kemurahan jiwanya. Kalau jiwanya masih rendah ia hanya suka membelanjakan hartanya untuk kaum kerabat dan jirannya. Kalau jiwanya tinggi sedikit ia pun murah tangan menghadapi isi kampungnya. Kalau bertambah murah lagi ia memberikan bantuan harta kepada seisi negerinya. Jika kemurahannya lebih memuncak tinggi lagi barulah ia bermurah hati menghadapi kepada sekalian manusia.

Sememangnya diakui sukar benar manusia mengeluarkan hartanya untuk orang jauh kerana ia berpendapat bahawa memberi pertolongan kepada orang yang jauh tiada akan dapat memberi faedah apa-apa baginya. Ia insaf memberikan belanja untuk memperbaik kebajikan umum umpamanya membuat perguruan, rumah-rumah sakit, anak-anak yatim dan seumpamanya itulah yang menegakkan maslahat umum dan menghasilkan kebahagiaan yang sempurna.

Dengan demikian Allah menegaskan bahawa harta yang

dikeluarkan untuk maslahat umum akan dibalas dengan pahala-pahala yang berlipat ganda.

#### **Pengertian Menafkahkan Harta Kepada Dhawī al-Ḥājah.**

Yang dikehendaki *infāq* untuk *Dhū al-ḥājah*<sup>1</sup>: memenuhi keperluan untuk kerabat-kerabat, orang miskin dan *ibnu al-sabīl*.

Menafkahkan harta kepada yang tersebut di atas ini ialah *infāq* yang pertama kerana *sabīlī 'Llāh* iaitu mentaatinya. Tiap-tiap *infāq* yang dilakukan atas dasar taat bererti *infāq fī sabīlī 'Llāh*.

Ini suatu fardu yang difardukan Tuhan dan tiap-tiap hartawan tidak boleh melengahkannya serta pemerintah boleh berhak mengambilnya.

*Infāq* kepada *dhawī al-ḥājah* dinamai sedekah, sebagaimana zakat yang dinamai sedekah. *Dhawī al-ḥājah* ialah orang yang tersebut di dalam ayat 60 surah Al-Tawbah yang maksudnya: Sedekah-sedekah itu (zakat) ... seterusnya delapan asnaf yang tersebut di dalam hukum zakat tetapi *infāq* ini tidak termasuk di dalam pengeluaran zakat berdasarkan kepada firman Allah dalam ayat 176 surah al-Baqarah yang maksudnya: “Bukanlah kebajikan itu ditentang kamu memalingkan muka-muka kamu ke pihak timur dan barat tetapi kebajikan itu ialah (kebajikan) orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian dan malaikat-malaikat dan kitab-kitab dan Nabī-Nabī, dan mendermakan harta yang sedang ia cintai kepada keluarga yang hampir, anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang dalam pelayaran (yang keputusan) dan orang yang meminta dan (ditentang menebus) hamba-hamba dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan menyempurnakan janji apabila berjanji dan sabar di waktu kepayahan dan kesukaran dan di waktu perang. Mereka itu ialah orang-orang yang benar dan mereka ialah orang yang berbakti.”

<sup>1</sup> Ejaan sebenar ialah *Dhawī al-ḥājah*.

Nas-nas ini mewajibkan zakat dan mewajibkan *infāq* membelanjakan harta kepada jalan Allah.

### Tuntutan Dalam Mengeluarkan Harta

Ada dua tuntutan yang mesti diperhatikan dalam mengeluarkan harta:

(1) Hukum berlaku *isrāf* (boros) dalam membelanjakan harta.  
Mengeluarkan harta terang disukai tetapi agama tidak memberlakukan berlaku boros yakni melebihi kadar yang patuh mengingat perbandingan harta itu. Allah di dalam firman-Nya dalam ayat 68 surah al-Furqān menghendaki menyederhanakan mengeluarkan harta dan memerintahkan supaya membuat perkiraan saksama di dalam pengeluaran itu supaya ia tidak terjerumus dalam kancang kekurangan yang tak dapat dipikul.

Hendaklah diketahui membésarkan pengeluaran harta ada tiga jalan dan masing-masingnya mempunyai hukum-hukum yang tersendiri iaitu:

1. Mengeluarkan harta di jalan-jalan yang tercela oleh sharak. Mengeluarkan harta yang demikian ini terang tidak dibenarkan oleh agama dan tertegah.

2. Mengeluarkan harta pada jalan-jalan yang dipuji oleh syarak. Mengeluarkan harta dengan jalan yang dibenarkan syarak itu sudah terang sangat disukai; tetapi dituntut jangan sampai memudaratkan diri.

3. Mengeluarkan harta dengan jalan-jalan yang *mubāh* seperti memperoleh kesedapan dan kesenangan hidup.

Mengeluarkan harta untuk maksud-maksud yang tersebut ini jika menurut secara yang layak dengan keadaan diri dan harta, tidaklah dinamakan *isrāf*. Jika dikeluarkan dengan cara yang tidak layak dengan keadaan diri dan harta tetaplah dinamakan *isrāf* – hukumnya tertegah.

Selanjutnya mengeluarkan harta untuk menolak

*mafsadah*, biar banyak sekalipun tidak dinamakan *isrāf* dan tidak tertegah. Mengeluarkan harta yang banyak untuk keperluan yang kecil dipandang mensiakan harta dan dipandang tidak menggunakaninya dengan layak dan patut.

Rasulullah (S.A.W) bersabda:

“Bahwasanya Allah membenci untuk mu tiga perkara:

Banyak perkataan – banyak permintaan dan mensesiakan harta.”

### Hukum Mengumumkan Pemberian.

Untuk mengetahui hukum mengumumkan pemberian itu baiklah diperhatikan firman Allah ayat 271 dalam surah al-Baqarah yang maksudnya: “Jika kamu berikan sedekah secara terangan-terangan, diketahui manusia, maka itu suatu pekerjaan yang baik. Dan jika kamu sembunyikan, kamu berikan langsung kepada *fuqara'* dengan tidak diketahui orang, maka itu pula lebih baik bagi kamu dan kelak akan menutupi dosa-dosamu. Dan bahwasanya itu sangat mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Ayat ini adalah menghendaki bahawa sedekah itu sampai disiar-siarkan untuk syiar agama dan apabila memberikan kepada *fuqarā'* dan *masākīn* hendaklah disembunyikan-disembunyikan.

Menurut pendapat setengah orang sedekah yang disuruh siar-siarkan itu ialah sedekah yang mengenai maslahat umum dan untuk umum supaya menggalakkan orang lain berserta di dalam usahanya itu tetapi ada lebih baik kalau ia menyembunyikan terutamanya dalam memberi sedekah kepada *fuqarā'* dan *masākīn*.

Menyembunyikan kepada mereka itu bermakna menjauhkan perasaan kepada yang menerima itu daripada menanggung budi

daripada si penerimanya. Sedekah yang serupa ini

disebutkan sedekah “*sirr*”.

### **Sedekah Taṭawwu‘ Kepada Fakir Miskin Dan Orang Yang Berhajat.**

Mengeluarkan sedekah *taṭawwu‘* memberi sesuatu pemberian kepada orang yang berhajat dengan sebenar-benarnya berharap keredaan Allah.

Islam mensyariatkan selain daripada zakat dengan beberapa rupa sedekah lagi. Sedekah itu ada yang diwajibkan dan ada pula yang disunatkan. Perlu diperingatkan bahawa sedekah yang wajib atau pun yang disunatkan adalah semata-semata hak fakir dan kerana itu diharamkan atas orang kaya menerima sedekah sekalipun sedekah yang tidak diwajibkan.

Ulama-ulama Islam menetapkan, selain daripada zakat, boleh diberikan kepada orang yang bukan Islam. Mereka berkata: “Seseorang *dhimmī* atau *mu‘āhid* berhajat kepada makanan yang mengenyangkan maka wajib bagi orang yang mampu memenuhi kehendak itu mengingat kepada ḥadīth: ‘Pada tiap-tiap hati atau yang berjiwa itu ada pahalanya’.”

Ringkasnya sedekah *taṭawwu‘* menjadi wajib apabila yang menerimanya sangat berhajat kepadanya dan bersifat sunat selama belum sampai kepada tingkat kemuncak tingginya.

### **Pertunjuk Nabī Dalam Mengeluarkan Sedekah Taṭawwu‘.**

Rasulullah (S.A.W) mengeluarkan segala harta yang diterimanya untuk sedekah. Tidak pernah Rasulullah menolak permintaan seseorang. Tiap-tiap peminta diberinya permintaannya, sedikit atau banyak. Rasulullah sangat senang dengan memberikan sedekah itu, lebih besar daripada kesenangan beliau menerimanya.

Rasulullah memberikan harta-hartanya kepada anggota masyarakat dengan beraneka warna sifatnya.

Terkadang-kadang Rasulullah memberi sesuatu barang

kepada seseorang. Sesudah harganya dilunaskan maka barang yang Rasulullah beli itu, Rasulullah kembalikan kepada penjualnya. Kadang-kadang Rasulullah meminjam sesuatu barang kepada seseorang, kemudian beliau kembalikan lebih banyak daripada yang dipinjamnya. Terkadang-kadang pula Rasulullah membeli sesuatu lalu membayarnya lebih banyak daripada harganya.

Kerapkali pula Nabī mengeluarkan harta-hartanya dengan *hibah* dengan jalan sedekah dan dengan jalan hadiah.

Perlu ditegaskan, mengeluarkan harta dengan sedekah *taṭawwu‘* adalah bersifat perseorangan, diberikan langsung oleh yang memberi kepada penerimanya, dengan tidak melalui badan-badan perantaraan sebagai keadaan zakat dan fitrah.

### **Contoh Yang Baik.**

Saiyidina ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn bin Ḥusayn bin ‘Alī bin Abī Tālib, cicit Rasulullah (S.A.W) tatkala berada di Madinah selalu menyiasat keadaan-keadaan penduduk Madinah, tentang hal keadaan hidup mereka. Mana-mana yang didapati payah hidupnya dan perlu kepada bantuan maka pada malam-malam hari keluarlah beliau membawa barang-barang makanan dan seumpamanya ketempat-tempat orang yang perlu mendapat bantuan itu lalu meletakkan barang-barang itu di muka pintu orang-orang yang perlu mendapat bantuan itu. Apabila pagi-pagi tuan rumah itu pun terperanjat melihat barang makanan dihadapan rumahnya. Kejadian ini merata-merata dan masing-masing orang tidak mengetahui siapakah yang meletakkan hadiah-hadiah di muka pintu mereka pada tiap-tiap malam itu. Puas mereka hendak mengetahui perihalnya tetapi tidak seorang pun yang dapat mengetahuinya.

Tetapi apabila Saiyidina ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn wafat maka mereka itu tidak mendapati lagi ada barang-barang di hadapan pintunya dan barulah mereka mengetahui bahawa rupanya yang

budiman dan pemurah yang tidak mahu dikenal orang namanya

itu ialah Saiyidina ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn *rahmatu’Llāhi Ta’ālā*

**Faedah Sedekah Taṭawwu‘ Kepada Fakir Miskin.**

Apabila ḥadīth-hadīth yang memperkatakan faedah-faedah dan

maanfaat sedekah yang dikumpulkan, hasillah faedah-faedah dan

manfaat-manfaat sebagai yang diuraikan di bawah:

1. Pahala sedekah itu subur dan sentiasa

bertambah-tambah.

2. Tuhan memberikan berkat kepada harta yang tinggal

dan menjauhkan daripada bala bencana. Bahkan Tuhan

menambah-nambahkan terus kesuburannya.

3. Sedekah itu menjadi sebab menambah rezeki

dan memperoleh ‘*inayah* Tuhan.

4. Tuhan memudahkan hasil pertologan kepada yang

mengeluarkan sedekah itu.

5. Sedekah itu menjauhkan daripada neraka.

6. Sedekah itu mempusukan kesalahan.

7. Sedekah itu menolak bencana.

8. Sedekah itu menjadi baju besi yang dapat

menahan kita dari bencana-bencana masa.

9. Sedekah itu ibarat pohon yang rendang dan

dapat kita berlindung di bawahnya.

10. Sedekah itu meruntuh dan menghancurkan

benteng-benteng pertahanan syaitan.

11. Sedekah itu memberikan berkat kepada umur dan

mengembangkan kerukunan bahkan menghasilkan cinta mesra

sekalian manusia.

—oo—

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah pekebun.

**BUKU-BUKU RUMI:**

a. **Siri Buku2 Bachaan Sekolah Rendah:**

1. Tunas Baru (ABC) Abd Rahman H. Said	\$1.50
2. Tunas Baru I	\$1.50
3. Tunas Baru I, III, IV	\$1.50
4. Senang Bacha I dan II, Hassan Basri	\$0.80

b. **Buku2 Bachaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:**

1. Kuching Hitam oleh A. H Edrus	\$0.30 sen
2. Peristiwa Hari Sabtu	30 sen
3. Nabi Sulaiman dengan Semut	30 sen
4. Lutong Sakti I dan II	35 sen
5. Karun Dengan Harta-nya	35 sen
6. Pekebuan <sup>1</sup> yang Tama'	35 sen
7. Lembu Chantek	35 sen
8. Kesah Minangkabau	40 sen
9. Sutan Balun	40 sen
10. Puteri Balqis	45 sen
11. Pendudok Gua	50 sen
12. Sebab Harimau	50 sen
13. Cherita Burong Hantu	75 sen
14. Nakhoda Dengan Datuk Perpateh	30 sen
15. Si-Buta	40 sen
16. Mimpi	35 sen
17. Si-Pengail	45 sen
18. Sulaiman Nujum	50 sen
19. Raja Ikan	50 sen
20. Mangga Hikmat	75 sen
21. Angsa dan Burong Merak	45 sen
22. Abu Hassan Ganjil	\$ 1.00 sen
23. Ayam dan Musang	35 sen
24. Raja Bersiong (A. Ghani Abbas)	45 sen
25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara)	30 sen
26. Ikan Puyu	40 sen
27. Semut Membalas Budi	35 sen
28. Katak Yang Hina	40 sen
29. Bangau Dengan Singa	35 sen
30. Badak Dengan Seladang	40 sen
31. Si-Amang Dengan Kaksasa	35 sen
32. Kijang Yang Cherdek	40 sen
33. Pertengkar Bangau dengan Belibis	35 sen
34. Buaya dengan Landak	35 sen

Pesan kepada:—

QALAM  
356/8 Geylang Road,  
Singapura, 14.